

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 FEBRUARI 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	SEB bekal tenaga ke kompleks integrasi fosfat	Utusan Malaysia
2	MPAS RM 1.9b plant to begin ops in 2018	The Star
3	KBD kurangkan pembiakan nyamuk hingga 90 peratus	Berita Harian
4	Smart system for police lock-ups	The Star
5	58 lokap dilengkapi CCTV pintar, tingkatkan keselamatan tahanan	Bernamea.com
6	Langkah atasi kesan pemanasan global	Utusan Malaysia
7	Good news for science	The Star
8	Set on the best	The Star

SEB bekal tenaga ke kompleks integrasi fosfat

Oleh AZRIN ROSLY
ekonomi@utusan.com.my

■ KUCHING 3 FEB.

SARAWAK Energy Berhad (SEB) melalui anak syarikatnya, Syarikat SESCO Berhad (SESCO) menandatangani perjanjian penjualan tenaga (PPA) dengan Malaysian Phosphate Additives (Sarawak) Sdn. Bhd. (MPA Sarawak), bagi membekalkan 150 megawatt (MW) kepada kompleks integrasi fosfat yang pertama di Asia Tenggara.

Pengerusi MPA Sarawak, Datuk Syed Ahmad Alwee Alsree berkata, PPA tersebut menunjukkan komitmen pihaknya dalam pelaburan besar bernilai RM1.9 bilion bagi pembangunan kompleks integrasi fosfat di Taman Industri Samalaju nanti.

"Kita bangga kerana projek MPA Sarawak merupakan projek Malaysia sebenar yang memegang sahamnya terdiri daripada entiti negara ini dan teknologi pula dibangunkan oleh jurutera kimia di bawah Malaysian Technology De-

velopment Corporation (MTDC).

"Kompleks fosfat ini akan melibatkan kapasiti pengeluaran 500,000 tan bagi fosfat aditif, 100,000 tan ammonia dan 900,000 tan coke setiap tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Menandatangani PPA antara SESCO dan MPA Sarawak iaitu sebuah syarikat usaha sama Malaysian Phosphate Ventures Sdn. Bhd., Cahaya Mata Sarawak Berhad melalui anak syarikat mereka iaitu Samalaju Industries Sdn. Bhd. dan Arif Enigma Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem menyaksikan majlis itu. Pihak SESCO diwakili oleh Datuk Torstein Dale Sjøtveit dan disaksikan Pengurus Besar Undang-undang Kumpulannya, Stephanie Gae Chin, manakala MPA Sarawak oleh Pengarah Urusannya, Lim Lee Wan disaksikan Pengarahnya, Datuk Isaac Lugun.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Setiausaha Kerajaan negeri, Tan

Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani.

Tambah Syed Ahmad, projek itu akan mewujudkan 1,200 peluang pekerjaan malah banyak potensi bagi industri hiliran, tidak kurang 20 kluster kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Manfaat projek ini, selain memperkasakan Sistem Keselamatan Makanan Kebangsaan ia juga dapat menghasilkan pendapatan negara kasar sebanyak RM11.8 bilion kepada ekonomi negara.

"Kami menyasarkan projek ini akan siap dalam beberapa fasa bermula pertengahan 2018 hingga akhir tahun itu," jelasnya.

Sementara itu, Torstein berkata, PPA yang ditandatangani itu merupakan sebuah lagi kejayaan kawasan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score).

"Keputusan MPA Sarawak untuk membuka kompleks fosfat integrasi yang pertama di Sarawak menunjukkan jaminan bahawa kita berada pada laluan betul merealisasikan sasaran negeri menjadi penjana bagi rantau ASEAN," jelasnya.



ADENAN SATEM (tengah) dan Awang Tengah Ali Hasan (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian penjualan tenaga antara Torstein Dale Sjøtveit (kiri) dengan Lim Lee Wan di Kuching, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOORAMBIA

MPAS RM1.9b plant to begin ops in 2018

By JACK WONG
starbiz@thestar.com.my

KUCHING: Malaysian Phosphate Additives (Sarawak) Sdn Bhd's (MPAS) proposed RM1.9bil phosphate additives plant in Samalaju Industrial Park, Bintulu, is expected to be commissioned in 2018.

Chairman Datuk Syed Ahmad Alwee Alsee said the project, which would be South-East Asia's largest integrated phosphate additives complex, would house nine different plants that would produce food, fertiliser and halal feed phosphates.

"The proposed plant is targeted for completion in phases from mid-to-end 2018," he said at the signing of a power purchase agreement between MPAS and Sarawak Energy Bhd (SEB). SEB will supply 150MW to power the plant.

The signatories for the agreement were SEB group chief executive officer Datuk Torstein Dale Sjøtveit and MPAS managing director Lim Lee Wan. Sarawak Chief Minister Tan Sri Adenan Satem witnessed the event.

Malaysian Phosphate Additives Sdn Bhd (via Malaysian Phosphate Ventures Sdn Bhd) and Cahya Mata Sarawak Bhd (through whol-

The advertisement is for the 'yes' mobile service. It features the 'yes' logo at the top left and the website 'www.yes.my' at the top right. The main headline reads 'Good Fortune Comes in Red'. Below this, there is a large graphic that says 'RM 88 only 11GB Data'. To the right of this graphic are four red envelopes, each containing a different amount of data: 1GB, 2GB, 3GB, and 4GB. The text 'Limited Time Offer Only!' is written below the envelopes. At the bottom right, it says 'Powered by YTL'.

ly-owned subsidiary Samalaju Industries Sdn Bhd) each own a 40% stake in MPAS. The remaining 20% equity is held by Arif Enigma Sdn Bhd, an associate of Tradewinds Plantations group.

Syed Ahmad said on full operation, the plant would produce 500,000 tonnes per annum of phosphate products, ranging from food grade, animal feed and fertiliser phos-

phates, 900,000 tonnes per annum of coke and 100,000 tonnes per annum of ammonia.

Food phosphate is used mainly in crude palm oil refining and in the production of various types of food and beverages, cola fizzy drinks, food source for cakes and noodles while fertiliser phosphate is used in the production of compound fertiliser, nitrogen phosphorous potassium. Halal feed phosphate is used to replace big bones of animals in animal feed.

Syed Ahmad said the technology for the project was developed by Malaysian chemical engineers under the auspices of the Malaysian Technology Development Corp, and that all MPAS shareholders were Malaysian entities.

The project, he said, would strengthen the national food security system.

MPAS's annual average revenue is estimated at RM2.9bil of which over 80% would be from export income. The plant will provide jobs to some 1,200 people, including engineers and project supervisors.

"This project has a huge downstream potential and will be able to spawn a cluster of no less than 20 different downstream industries for small and medium enterprises," he said.

